

Tempahan Gerai-Gerai Jualan

Hubungi 019-3873499 Mawi / 03-40253525 Anghni



**BERITA TERKINI** Type REG HRKH NEWS ON. Sent to 32355 for Breaking News

[Home](#) | [Utama](#) | [Dalam Negeri](#) | [Luar Negara](#) | [Parlimen](#) | [Ekonomi](#) | [Kelantan](#) | [Surat Pembaca](#) | [Cari](#) | [Classified](#) | [English](#)

Advertensi [A]



Advertensi [B]



Harakahdaily



FOTO HARAKHDAILY

Sekitar Demo Keganasan Israel  
07 Julai 2006

RESPECT  
PALESTINE

SUMBANGAN HDAILY

Sumbangan Anda Diperlukan  
Bagi memperkemaskan Operasi

### Daftar Pembaca

Kata Nama

Kata Laluan

Ingat saya

Lupa kata laluan? [Semak](#)

Tiada akaun? [Daftar Sekarang](#)

### Aduan Kepada Editor

Advertensi

**ForumHarakah**  
*Your Opinion, Your Word*

## Agenda halus tubuhkan IFC berterusan



Thu | May 25, 06 | 03:26:42 PM

Oleh Salahuddin Ayub

### Mukadimah

Berikut adalah memorandum Dewan Pemuda PAS PAS Pusat kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, **menggesa kerajaan mengambil tindakan ke atgas Kumpulan Artikel 11 yang kini giat mempromosikan idea penubuhan IFC atas nama kebebasan agama.**

DEWAN Pemuda PAS Pusat ingin merakamkan kehampaan terhadap tindakan Kerajaan yang membiarkan Kumpulan Artikel 11, iaitu Kumpulan yang mengandungi 13 Badan Bukan Kerajaan (NGO) terus mengadakan road show mereka ke seluruh negara.

DPP Pusat sesungguhnya yakin dan percaya bahawa Kumpulan ini mempunyai agenda yang serong dan tidak baik ke atas Islam dan umatnya.

Kejadian demonstrasi membantah program Kumpulan Artikel 11 tersebut oleh umat Islam di Pulau Pinang baru-baru ini menunjukkan secara jelas bahawa kesabaran umat Islam terhadap Kumpulan ini semakin sukar dibendung dan jika Kumpulan

ini terus dibenarkan menganjurkan program road show mereka pihak DPP Pusat percaya ianya menimbulkan ketegangan yang sukar untuk dikawal.

DPP Pusat juga percaya Kumpulan ini sedang berselindung di sebalik tajuk "Federal Constitution – protection for all" bagi melunakkan para hadirin yang menghadiri program mereka sedangkan dalam masa yang sama Kumpulan ini pada hakikatnya berusaha untuk mendapatkan sokongan rakyat terhadap taksiran mereka mengenai kebebasan agama di bawah Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang bagi mereka perlu diterima sebagai tafsiran yang memberikan hak semua orang dalam negara ini bebas untuk menukar agama mereka tanpa mengira agama dan ianya termasuk orang Islam. Kumpulan ini juga mahukan agar penentuan tentang isu agama termasuk pertukaran agama orang Islam hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan bukannya Mahkamah Syariah.

DPP Pusat yakin bahawa Kumpulan ini sebenarnya secara halus (subtle) dan terancang (premeditated) mahukan orang Islam yang ingin menukar agamanya (murtad) dibenarkan, dilindungi dan juga diberi peluang yang secukupnya. Tafsiran kebebasan agama yang Kumpulan ini sedang perjuangkan adalah mengikut tafsiran orang-orang barat sepertimana yang dimanifestasikan di dalam Artikel 18 Deklarasi Hak Asasi Sejagat 1948 (Universal Declarations of Human Rights, 1948) yang antara lain memperuntukan bahawa 'Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief'.

DPP Pusat percaya Kumpulan ini menggunakan platform road show yang mereka sedang rancang di seluruh negara ini bagi meneruskan agenda dan misi mereka yang masih belum dapat dilaksanakan iaitu penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission) yang sepatutnya ditolak oleh pihak Kerajaan tetapi malangnya hanya ditangguhkan perlaksanaannya sepertimana yang diumumkan oleh YAB. Dato' Seri sebelum ini.

DPP Pusat juga ingin menegaskan bahawa sebarang tafsiran mengenai mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya yang berkaitan dengan kebebasan beragama di dalam Perkara 11 Perlembagaan perlu mengambil kira sejarah, elemen-elemen tradisi yang wujud di dalam Perlembagaan itu sendiri seperti kedudukan Islam, Bahasa Melayu dan juga Raja-Raja Melayu serta Majlis Raja-Raja sepertimana yang dikatakan oleh YM. Justice Raja Azlan Shah di dalam kes Loh Kooi Choon v Government of Malaysia (1977) 2 MLJ 187

"Whatever may be said of other constitutions, they are ultimately of little assistance to us because our Constitution now stands in its own right and it is in the end the wording of our Constitution itself that is subject to be interpreted and applied, and this wording "can never be overridden by the extraneous principles of other Constitutions" – see Adegbenro v Akintola & Anor. Each country frames its constitution according to its genius and for the good of its own society. We look at

other Constitutions to learn from their experiences and from a desire to see how their progress and well being is ensured by their fundamental law.”

DPP Pusat juga meminta agar pihak Kerajaan melalui Peguam Negara mengkaji sama ada tindakan Kumpulan ini termasuk di dalam kesalahan memujuk, mempengaruhi atau ‘incite’ orang-orang Islam untuk menukar agamanya yang peruntukkan di dalam beberapa Enakmen Pengawalan Penyebaran Ajaran-Ajaran Bukan Islam ke Atas Orang Islam yang wujud di beberapa buah negeri dan DPP Pusat juga meminta agar pihak Kerajaan dapat memastikan bagi negeri-negeri yang masih belum menggubal enakmen seperti itu perlulah menggubalnya dengan kadar segera bagi menjamin kesucian Islam dan umatnya.

DPP Pusat juga ingin menegaskan bahawa DPP Pusat amat menyanjungi kebebasan bersuara dan berhimpun yang memang telah seringkali dinafikan oleh pihak Kerajaan kepada parti pembangkang seperti PAS namun kebebasan bersuara yang membawa kerosakan dan ketegangan yang tidak sewajarnya perlu dielak bagi memastikan keharmonian hidup masyarakat majumuk dalam negara ini dapat kekal.

DPP Pusat juga ingin merakamkan kekecewaan ke atas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Nazri Abdul Aziz yang menggunakan perkataan bodoh kepada umat Islam Pulau Pinang yang membantah Kumpulan Artikel 11 ini tanpa mengambil kira bahawa apa yang umat Islam di Pulau Pinang itu pada hakikat sebenarnya hanya ingin melindungi serba sedikit saki baki Islam yang masih dilindungi oleh Perlembagaan yang pada masa ini sedang menerima ancaman untuk dimusnahkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab yang termasuk antaranya Dato' Seri Nazri. - mks.

---

#### Surat/Emel Pembaca

Sekiranya terdapat sebarang komen, aduan, cadangan, pendapat, rencana atau sebagainya, sila emelkan ke [harakahdaily@gmail.com](mailto:harakahdaily@gmail.com). Sertakan bersama nama, nama pena, alamat, no. kad pengenalan, dan no. telefon (maklumat anda adalah rahsia dan tidak akan disiarkan). Artikel yang diterima dan dikemaskini akan disiarkan di ruangan Surat Pembaca atau bersesuaian.

Add Harakahdaily.Net feeds  © 2006 Harakahdaily.Net | Design by aeyie

All logos and trademarks in this site are property of their respective owner. The comments are property of their posters, all the rest © 2001-2006 by Harakah.